

Konsep Kedaulatan dalam Kertas Putih Pertahanan Malaysia

The Concept of Sovereignty in the Malaysian Defence White Paper

Dr. Abdul Muein Bin Abadi

Pusat Kajian Sejarah, Politik & Antarabangsa (SPHEA), Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM), Bandar Baru Bangi 43650 Selangor.

[\(muein@ukm.edu.my\)](mailto:muein@ukm.edu.my)

ABSTRAK

Kajian ini menganalisis konsep kedaulatan dalam Kertas Putih Pertahanan (KPP) yang diterbitkan Kementerian Pertahanan Malaysia. Terdapat tiga persoalan besar yang dianalisis iaitu: (1) Apakah konsep kedaulatan yang difahami di Malaysia? (2) Sejauh mana konsep kedaulatan telah dibangunkan dalam bidang-bidang strategik di Malaysia? (3) Apakah permasalahan konsep kedaulatan dalam bidang-bidang strategik di Malaysia? Penilaian ringkas yang dilakukan dalam kajian ini adalah secara khusus ke atas sektor industri pertahanan tempatan yang diujahkan sebagai sektor kritikal yang ketinggalan untuk memelihara kedaulatan negara.

KATA KUNCI:

Kedaulatan, Kertas Putih, Pertahanan, Industri Pertahanan, Malaysia

Received: June 20, 2025

Accepted: Sept 19, 2025

Published Oct 31, 2025

ABSTRACT

This paper analyses the concept of sovereignty as articulated in the Defence White Paper (DWP) published by the Malaysian Ministry of Defence. It addresses three central questions: (1) What is the concept of sovereignty as understood in Malaysia? (2) To what extent has the concept of sovereignty been developed within Malaysia's strategic domains? (3) What are the conceptual challenges of sovereignty in Malaysia's strategic sectors? The analysis presented in this paper specifically focuses on the domestic defence industry, which is argued to be a critical yet lagging sector in safeguarding national sovereignty.

KEYWORDS:

Sovereignty, White Paper, Defence, Defence Industry, Malaysia

1.0 Apakah Konsep Kedaulatan yang difahami di Malaysia?

Kertas Putih Pertahanan (KPP) dalam Bab 3 di bawah 'Kerangka Pertahanan Negara' menyatakan bahawa Visi Pertahanan Negara adalah "Malaysia sebagai sebuah negara yang selamat, berdaulat dan makmur". Visi ini membentuk asas kepada Kepentingan Pertahanan Negara yang diperincikan kepada tiga:

- i. Keselamatan. Mempertahankan kawasan daratan, Zon Maritim Malaysia, laluan perairan strategik, ruang udara dan laluan komunikasi kritikal;
 - ii. Kedaulatan. Memelihara kemerdekaan negara dan menyekat campur tangan pihak luar; dan
 - iii. Kemakmuran. Mempertahankan kemakmuran, pembangunan dan peluang pertumbuhan ekonomi negara termasuk kepentingan di luar negara.
- (Kertas Putih Pertahanan 2020, hlm. 34-35)

Kertas kajian ini berhujah bahawa pembangunan bidang industri pertahanan tempatan adalah aspek bidang strategik yang kritikal untuk diberikan fokus secara khusus demi kedaulatan negara. Tentunya, usaha mempertahankan kedaulatan integriti wilayah (*territorial integrity*) negara boleh dicapai melalui perolehan aset kredibel dari Pengeluar Peralatan Asal (Original Equipment Manufacturer) mahupun melalui kerjasama pertahanan sedia ada seperti FPDA (Five Power Defence Arrangements dengan UK, Australia, New Zealand, dan Singapura). Namun begitu, kedua-dua pendekatan ini dinilai tidak menguatkan autonomi negara dalam pembuatan sistem persenjataan, malah berisiko melemahkan autonomi negara seperti mana dalam kes negara-negara seperti Ukraine, Taiwan, Syria (rejim Assad), Iraq (rejim Saddam), Libya (rejim Gaddafi).

Malah, KPP sendiri meletakkan industri pertahanan sebagai keutamaan dalam Objektif Pertahanan Negara di Bab 3, halaman 35:

"Memajukan industri pertahanan nasional sebagai pemangkin ekonomi dan kepakaran terpilih yang lebih berdikari melalui program-program yang progresif dalam memajukan bidang sains, teknologi dan industri pertahanan negara".

Hal ini selari dengan hujah para sarjana yang menekankan kepentingan keupayaan pembinaan industri pertahanan tempatan sebagai antara prasyarat penting demi menjaga kedaulatan sesebuah entiti politik. Samuels (1994) berhujah bahawa pembangunan industri pertahanan tempatan adalah cukup penting dalam perjuangan untuk kedaulatan dan keselamatan sesebuah negara. Hughes (2011) pula menghuraikan kepentingan industri pertahanan tempatan untuk memaksimumkan autonomi teknologi ketenteraan serta autonomi strategik sesebuah negara. Bitzinger (2017) merumuskan bahawa tahap 'autarki' atau mampu diri (*self-sufficiency*) dalam teknologi ketenteraan sebagai sama penting kepada

keselamatan sesebuah negara seperti mana pentingnya sistem senjata khusus seperti senjata nuklear, peluru berpandu balistik, kapal selam, dan sebagainya.

Keupayaan pengeluaran persenjataan amat kritikal untuk mana-mana negara yang bercita-cita untuk mencapai status kuasa besar. Seperti yang dinyatakan oleh Samuels, sebuah negara bangsa akan dipandang rendah melainkan ia memiliki angkatan tentera moden seperti negara kaya dan tentera yang kuat. Pada masa yang sama, angkatan bersenjata sesebuah negara yang bercita-cita tinggi adalah tidak kredibel jika ia bergantung pada negara lain untuk sebahagian besar persenjataannya. Sepertimana andaian “negara kaya/tentera kuat” yang digunakan oleh Samuel, negara-negara besar hari ini secara majoritinya mempunyai industri senjata yang hebat. Buktinya, kebanyakan negara besar di rantau ini seperti China, India, Jepun, Korea Selatan dan Indonesia cuba untuk mewujudkan industri pertahanan tempatan dan melibatkan diri dalam program pembuatan senjata yang bercita-cita tinggi bagi menyokong cita-cita kuasa besar serantau mereka (Bitzinger, 2017).

2.0 Sejauh mana konsep kedaulatan telah dibangunkan dalam bidang-bidang strategik di Malaysia?

Bagi menilai pembangunan konsep kedaulatan dalam industri pertahanan negara Malaysia, data daripada Bahagian Industri Pertahanan (BIP) MINDEF tentang keupayaan semasa industri pertahanan Malaysia boleh dirumuskan dalam Rajah 1 di bawah.

	Automotif 	Maritim 	Aeroangkasa 	Persenjataan 	ICT 
MRO	TINGGI	TINGGI	TINGGI	RENDAH	TINGGI
INTEGRASI & PEMASANGAN	TINGGI	TINGGI	TINGGI	TINGGI	TINGGI
REKABENTUK	SEDERHANA	TINGGI	RENDAH	RENDAH	TINGGI
PEMBUATAN	SEDERHANA	TINGGI	SEDERHANA	RENDAH	TINGGI
R&D	RENDAH	RENDAH	RENDAH	RENDAH	SEDERHANA
SYARIKAT UTAMA	DEFTECH, WESTAR	BOUSTEAD, PRESTON, BDNC	AIROD, ATSC, CTRM, ZETRO	SMEO	SAPURA, SCS
Tinggi-Berkemampuan Penuh Sederhana-Bantuan OEM Rendah-Sepenuhnya OEM					

Rajah 1: Keupayaan semasa industri pertahanan Malaysia

Sumber: Abdul Muein Abadi (2025); Bahagian Industri Pertahanan (BIP) MINDEF (2024)

Menyedari kedudukan industri pertahanan negara semasa, dokumen KPP menggariskan hala tuju Kerangka Dasar Industri Pertahanan Negara (DIPN) yang akan dibangunkan melalui lima teras utama seperti berikut:

- i. Teras 1: Pembangunan Modal Insan. Menggalakkan penghasilan tenaga kerja pakar dengan kemahiran dan pengetahuan yang selari dengan keperluan industri pertahanan;

- ii. Teras 2: Pembangunan Teknologi. Menyediakan dana penyelidikan saintifik, aplikasi dan inovasi, memperoleh teknologi yang kritikal untuk membangunkan dan memperkasakan keupayaan R&D tempatan serta pemindahan teknologi daripada rakan strategik antarabangsa;
- iii. Teras 3: Pembangunan Industri. Melaksanakan pendekatan baharu perolehan aset pertahanan berasaskan analisis kos faedah dan petunjuk ekonomi, mengemaskini garis panduan klasifikasi sektor pertahanan, meneliti semula insentif khas untuk menyokong syarikat tempatan bagi meningkatkan daya saing industri pertahanan tempatan dan pembangunan projek-projek strategik negara;
- iv. Teras 4: Ke Arah Keupayaan Berdikari. Mengutamakan produk pertahanan yang dibangun dan dikeluarkan oleh syarikat tempatan yang berkemampuan, memantapkan Program Kolaborasi Industri (*Industrial Collaboration Programme* (ICP)) dengan OEM serta memanfaatkan pengetahuannya untuk produk dan pasaran khusus; dan
- v. Teras 5: Tembusi Pasaran Global. Kerajaan menggalakkan syarikat tempatan untuk mempromosikan produk mereka dan seterusnya menembusi pasaran antarabangsa melalui kolaborasi bersama agensi kerajaan dan pihak swasta serta penglibatan dalam pameran pertahanan luar negara.

Lima teras yang dicadangkan Kerajaan akan direalisasikan melalui lima inisiatif seperti berikut:

- i. Inisiatif 1: Pemantapan kerangka strategi ekonomi untuk sains, teknologi dan industri pertahanan memfokuskan kepada bidang khusus;
- ii. Inisiatif 2: Penstrukturan semula organisasi berkaitan industri pertahanan;
- iii. Inisiatif 3: Penubuhan Jawatankuasa Pelaburan Pertahanan;
- iv. Inisiatif 4: Perangsangan R&D dan inovasi melalui pembiayaan mampan; dan
- v. Inisiatif 5: Pengukuhan program pembangunan bakat.

3.0 Apakah permasalahan konsep kedaulatan dalam bidang-bidang strategik di Malaysia?

Analisis ringkas ini akan dijalankan berdasarkan kelima-lima inisiatif Kerangka Dasar Industri Pertahanan Negara (DIPN) dalam KPP.

1. Pemantapan Kerangka Strategi Ekonomi untuk Sains, Teknologi dan Industri Pertahanan Memfokuskan kepada Bidang Khusus.

“Sungguhpun pemain industri pertahanan tempatan menyokong pertahanan negara melalui pembekalan asset dan kelengkapan dan perkhidmatan utama, namun negara masih perlu memperoleh aset, kelengkapan dan perkhidmatan tertentu daripada syarikat luar negara. Hal ini kerana pemain industri tempatan mempunyai keupayaan teknologi yang terhad. Oleh yang demikian, pemindahan teknologi dan pengetahuan yang merangkumi pengetahuan (*know-how*) dan proses (*know-why*) adalah ditekankan bagi perolehan luar negara agar pemain industri dapat menguasai teknologi berkenaan pada masa hadapan. Pemindahan pengetahuan dan teknologi boleh berlaku melalui pelaksanaan program kolaborasi industri (offset) apabila kerajaan membuat perolehan dari luar negara. Perolehan seumpama ini disekalikan dengan pelbagai elemen bernilai tambah termasuk pemindahan teknologi, kemahiran dan pengetahuan untuk dimanfaatkan oleh pengguna dan pemain industri tempatan.

Program offset ini juga dapat membantu syarikat PKS mendapatkan latihan dan pendidikan bagi pembangunan modal insan”.

2. Penstrukturan Semula Organisasi berkaitan Industri Pertahanan.

“Antara cadangan yang sedang diperhalusi termasuk penubuhan Majlis Penasihat Sains dan Teknologi Pertahanan Negara. Kerajaan juga akan memberi penekanan kepada pemerkasaan (*empowerment*) pemain industri pertahanan supaya lebih berdikari, berinovasi dan berdaya saing. Pemain industri akan membantu kerajaan dalam memberi input berkaitan industri pertahanan dan keselamatan agar penambahbaikan dapat dibuat secara berterusan bagi membangunkan industri pertahanan sebagai pemangkin ekonomi negara”.

3. Penubuhan Jawatankuasa Pelaburan Pertahanan.

“Kerajaan komited untuk memperkasakan pembangunan sains, teknologi dan industri pertahanan negara melalui pewujudan jawatankuasa tertinggi yang dipengerusikan oleh YAB Perdana Menteri dengan keahlian daripada kementerian dan agensi yang berkaitan. Jawatankuasa ini akan menetapkan dasar dan membuat keputusan berkaitan perolehan aset, khususnya bagi aset strategik yang bernilai tinggi yang memerlukan keputusan dibuat secara kolektif dan mengambil kira keperluan ATM atau agensi keselamatan. Platform di peringkat tertinggi akan dapat meningkatkan kesamaan antara ATM dengan agensi keselamatan dari segi aset dan kelengkapan bagi mencapai skala ekonomi untuk industri pertahanan dan pulangan pelaburan kepada negara”.

4. Perangsangan R&D dan Inovasi melalui Pembiayaan Mampan.

“...kerajaan akan memperuntukkan dana untuk R&D khusus untuk pembangunan aset dan kelengkapan pertahanan dan keselamatan. Kerajaan akan menetapkan 10%-15% daripada jumlah nilai nominal offset daripada program kolaborasi industri untuk tujuan tersebut”.

“Institut Penyelidikan Sains & Teknologi Pertahanan (STRIDE) merupakan sebuah jabatan di bawah Kementerian Pertahanan (MINDEF) yang bertanggungjawab ke atas segala aktiviti R&D pertahanan terutama dalam bidang AI, sistem tanpa pemandu, senjata pintar dan peluru. Peralatan pertahanan ini merangkumi dari radar dan penderia, Perisikan, Pengawasan, Perolehan Sasaran, dan Rekonaisans (ISTAR), kimia, biologi, radiasi, nuklear dan bahan letupan (CBRNe), sistem kenderaan darat, laut dan udara serta teknologi angkasa untuk pertahanan...STRIDE akan terus memberikan perkhidmatan sokongan teknikal dan khidmat nasihat kepada ATM, agensi kerajaan dan industri pertahanan tempatan. STRIDE juga akan menjadi agensi teknikal untuk pensijilan produk pertahanan dan memainkan peranan penting dalam memastikan ATM dan agensi keselamatan memperolehi aset yang berkualiti tinggi. Peranan tambahan yang lain untuk STRIDE termasuklah analisis kotak hitam pesawat serta bertindak sebagai agensi teknikal untuk Akta Konvensyen Senjata Kimia (CWC) 2005 dan Akta Perdagangan Strategik 2010. STRIDE juga merupakan agensi peneraju teknikal bagi Konvensyen Senjata Biologi dan Toksin (BTWC)”.

5. Pengukuhan Program Pembangunan Bakat

“Salah satu aspek utama ialah pembinaan modal insan yang mampu menjalankan R&D, mereka bentuk dan mencipta produk berteknologi tinggi menepati piawai antarabangsa. Bagi memperkasakan sains dan teknologi pertahanan, kerajaan memperakui kepentingan pendidikan bagi melahirkan saintis, juruteknologi dan jurutera yang dapat memenuhi keperluan pertahanan negara akan datang. Hal ini memerlukan perancangan jangka panjang dengan usaha bersepadu oleh kerajaan untuk

mengutamakan bidang-bidang yang berkaitan dengan sains dan teknologi pertahanan. Kerajaan sentiasa memberikan sokongan yang tinggi kepada pembangunan sains, teknologi dan industri pertahanan tempatan dalam usaha mencapai tahap keupayaan berdikari yang tinggi dan menjadi pemangkin kepada ekonomi negara”.

4.0 Rumusan

Perlu diakui bahawa terdapat dua pandangan bertentangan dalam kalangan sarjana antarabangsa bagi sesebuah negara membangunkan dasar industri pertahanan domestik. Disebabkan oleh peningkatan kos bagi pengeluaran senjata tempatan dan peningkatan globalisasi sektor pertahanan, para sarjana seperti Hayward (2000), Struys (2004), dan Wulf (1983) berpandangan bahawa negara perlu meninggalkan dasar perlindungan, melonggarkan halangan untuk kemasukan asing, dan menggalakkan daya saing dalam pasaran pertahanan domestik mereka untuk menarik pelaburan langsung asing dan menggalakkan hubungan industri pertahanan yang kekal dan integratif antara syarikat tempatan dan multinasional. Pada pandangan mereka, pasaran pertahanan perlu diliberalisasikan dan perusahaan awam perlu menarik diri daripada pengeluaran pertahanan. Walau bagaimanapun, penganalisis ini berpendapat, akhirnya dinamik globalisasi akan memaksa kerajaan untuk menerima strategi industri pertahanan berorientasikan eksport yang integratif. Dasar berorientasikan eksport, menurut para sarjana ini, akan meliberalisasikan pasaran pertahanan supaya pasaran pertahanan baru muncul tempatan akan dapat menarik pelaburan asing dan industri pertahanan baru muncul akan disepadukan ke dalam rangkaian pengeluaran global. Hal ini seterusnya akan merangsang penciptaan kapasiti baru untuk pengeluaran senjata yang akan berada di luar kawalan kerajaan (Anthony, 1993). Apabila negara menarik diri daripada pengeluaran senjata dengan penswastaaan, syarikat-syarikat tempatan di negara-negara baru muncul akan dan harus memberi tumpuan kepada pembuatan produk pertahanan khusus (Hartley & Sandler 2003, Struys 2004, Hartley 2007).

Walaupun bagaimanapun, para penganalisis pertahanan lain tidak bersetuju dengan persepektif tersebut. Walaupun secara umumnya dipersetujui bahawa pengeluaran senjata di semua negara adalah didorong oleh tiga faktor utama - keinginan untuk kuasa, kekayaan, dan prestij – para penganalisis ini berpendapat bahawa motif untuk perindustrian pertahanan diletakkan secara berbeza oleh banyak negara sedang membangun yang berlainan daripada negara kuasa besar yang kebanyakannya adalah merupakan pengeluar senjata yang lebih mantap. Mereka percaya bahawa faktor domestik biasanya lebih diutamakan daripada faktor antarabangsa dalam kalkulus membuat keputusan negara perindustrian yang sedang membangun. Prihatin untuk melindungi industri tempatan mereka, pemimpin negara-negara ini digesa untuk menolak dasar perindustrian pertahanan integratif yang berorientasikan eksport.

Negara-negara sedang membangun, menurut para sarjana ini, perlu berusaha untuk mengurangkan kebergantungan mereka kepada negara pembekal untuk akses kepada teknologi tinggi untuk mendapatkan sedikit autonomi dan kuasa. Kevergantungan kepada pembekal asing, pada pandangan negara penerima, membolehkan pembekal mengawal sistem dan teknologi senjata yang boleh mereka perolehi dan dengan itu memberikan kawalan negara asing ke atas keupayaan ketenteraan mereka (Neuman, 1988). Tambahan pula, dari perspektif penerima, negara pembekal mempunyai keupayaan untuk membentuk dasar luar penerima melalui sekatan senjata dan sekatan ke atas penggunaan sistem senjata yang diimport (Kinsella, 1998; Boutin 2009). Dalam usaha untuk meningkatkan kuasa mereka, negara-negara baru muncul menganggap industri pertahanan negara sebagai alat untuk mencapai bekalan senjata yang terjamin dan bebas (Evans, 1986) dan ukuran autonomi, sambil pada

masa yang sama mengurangkan pengaruh negara pembekal. Maka, hala tuju dasar industri pertahanan negara perlu mengambilkira perspektif para sarjana ini dengan serius.

Penghargaan

Kertas ini telah dibentangkan dalam Dialog Kuasa Nasional Siri 3 bertemakan “Menilai Semula Konsep Kedaulatan di Malaysia” yang dianjurkan oleh IRIS Institute pada 7 Mei 2025. Penulis merakamkan setinggi-tinggi penghargaan kepada penganjur dan peserta wacana ini atas percambahan idea dan cadangan penambahbaikan dalam penulisan ini.

Rujukan

- Abadi, A.M. (2025). *Industri Pertahanan Malaysia: Dasar, Cabaran Strategik dan Hala Tuju*. Bangi: Penerbit UKM.
- Balakrishnan, K. & Lazar, Z. (2022). The challenges in buyer supplier relationship for technological absorption capability in international defence acquisition: the case of Southeast Asia. *Defense & Security Analysis*. 38:3, 317-335, DOI:10.1080/14751798.2022.2093460.
- Boutin, K.J.D.(2009). Emerging defense industries: prospects and implications. In: R.A. Bitzinger, ed. *The modern defense industry: political, economic, and technological issues*. Santa Barbara, CA: Praeger Security International/ABC-CLIO.
- Evans, C.(1986). Reappraising third-world arms production. *Survival*, 28 (2), 99–118.
- Hayward, K.(2000). Globalization of defense industries. *Survival*, 42 (2), 115–132.
- Hughes, C.W. (2011). The slow death of Japanese techno-nationalism? Emerging comparative lessons for China's defense production. *The Journal of Strategic Studies* 34(3): 451-479.
- Kementerian Pertahanan Malaysia. (2020). *Kertas Putih Pertahanan*. Seri Kembangan: Attin Press.
- Kinsella, D.(1998). Arms transfer dependence and foreign policy conflict. *Journal of peace research*, 35, 7–23.
- Neuman, S.G. (1988). Arms, aid and the superpowers. *Foreign affairs*, 66 (5), 1044–1066.
- Samuels, R.J. (1994). *Rich Nation, Strong Army: National Security and the Technological Transformation of Japan*. New York: Cornell University Press.
- Struys, W. (2004). The future of the defence firm in small and medium countries. *Defence and Peace Economics*, 15 (6), 551–564.
- Wulf, H. (1983). Developing countries. In: N. Ball and M. Leitenberg, eds. *the structure of the defense industry: an international survey*. London: Croom Helm, 310–343.